



PERLEMBAGAAN MAJLIS PERHUBUNGAN  
PENGETUA-PENGETUA TINGKATAN ENAM  
JOHOR

MPPT6Johor

---

Perlembagaan Majlis Perhubungan Pengetua-pengetua  
Tingkatan Enam Johor (MPPT6Johor) telah dibentangkan dan  
disahkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan di Hotel Seri Costa  
Melaka, pada 20 April 2009

**PERLEMBAGAAN  
MAJLIS PERHUBUNGAN PENGETUA-PENGETUA  
TINGKATAN ENAM JOHOR (MPPT6 JOHOR)**

**Fasal 1 : NAMA**

Majlis ini dinamakan “Majlis Perhubungan Pengetua-Pengetua Tingkatan Enam Negeri Johor”. Nama ringkasnya ialah MPPT6 Johor.

**Fasal 2 : ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN**

Sektor Pengurusan Sekolah,  
Jabatan Pelajaran Johor,  
Wisma Pelajaran,  
Jalan Tun Abd Razak,  
80604 JOHOR BAHARU

**Fasal 3 : TAFSIRAN**

- 3.1 Pengetua ialah pegawai yang berkhidmat di bawah Skim Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Siswazah dengan menyandang Jawatan sebagai Pengetua di sekolah menengah yang mempunyai Tingkatan Enam, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 3.2 Jawatankuasa bermaksud jawatankuasa pentadbir MPPT6.
- 3.3 Dana ialah kumpulan wang MPPT6.
- 3.4 Luput kelayakan sebagai ahli biasa MPPT6 bermaksud tidak lagi menjadi pengetua sekolah Tingkatan Enam.
- 3.5 Bekas ahli bermaksud pengetua Tingkatan Enam yang telah bersara wajib.

**Fasal 4 : KETERANGAN LOGO**

- Warna biru bersinar pada perkataan “mpt6” menggambarkan keterserlahan organisasi ini yang mewakili pengurus-pengurus sistem persekolahan tertinggi di peringkat menengah.
- Warna Emas yang melatari perkataan “Johor” menggambarkan keunggulan Majlis ini dalam mendukung cita-cita meningkatkan sistem pembelajaran Tingkatan Enam.
- Garisan bertangga di bahagian latar belakang menggambarkan kepelbagaian bidang yang disokong oleh sistem pembelajaran Tingkatan Enam.
- Warna biru yang melatari petak segiempat menggambarkan globalisasi dan peluang-peluang tanpa batas dalam arena pendidikan, khasnya pendidikan di Tingkatan Enam.



**Fasal 5 : TUJUAN MPPT6**

- 5.1 Memajukan pendidikan di seluruh negara berdasarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- 5.2 Memberi sokongan dan pandangan terhadap pelaksanaan dasar dan mempertahankan kepentingan pendidikan negara.
- 5.3 Meningkatkan taraf profesionalisme ahli-ahli MPPT6 Johor khususnya, dan semua guru di Sekolah Menengah Tingkatan Enam amnya.
- 5.4 Mewujudkan satu jaringan perhubungan dengan pihak berkuasa dan pihak yang berkaitan bagi menjaga kepentingan pendidikan.
- 5.5 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan di peringkat sekolah melalui pelbagai aktiviti latihan dan pendedahan bertaraf dunia.
- 5.6 Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengumpulan dana bagi menggerakkan aktiviti MPPT6.
- 5.7 Menjaga dan meningkatkan kebajikan ahli-ahli.

**Fasal 6 : PENUBUHAN**

- 6.1 Penubuhan MPPT6 Johor adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa dan peruntukan Jabatan Pelajaran Johor dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 6.2 Penubuhan - MPPT6 di daerah-daerah juga adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa dan peruntukan Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Fasal 7 : PENAUNG DAN PENASIHAT**

- 7.1 Penaung:  
Penaung MPPT6 Johor ialah Pengarah Pelajaran Johor
- 7.2 Penasihat:  
Penasihat MPPT6 Johor ialah Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pelajaran Johor.

**Fasal 8 : KEAHLIAN**

- 8.1 Ahli Biasa:  
Semua Pengetua Sekolah Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan yang mempunyai Tingkatan Enam di bawah tadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia adalah layak untuk menjadi ahli secara automatik.
- 8.2 Ahli Bersekutu
  - 8.2.1 Pengetua-pengetua Sekolah Menengah yang mempunyai Tingkatan Enam di bawah tadbiran Kerajaan Negeri, kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain adalah layak untuk menjadi ahli bersekutu.

- 8.2.2 Setiap orang yang ingin menjadi ahli bersekutu hendaklah memohon dengan mengisi borang permohonan yang disediakan oleh Majlis Perhubungan Pengetua-Pengetua Tingkatan Enam Johor dan mengemukakan kepada Setiausaha Kehormat MPPT6 Johor.
- 8.2.3 Ahli Bersekutu boleh mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti anjuran MPPT6 Johor.
- 8.2.4 Ahli Bersekutu tidak mempunyai hak mengundi tetapi boleh dilantik menganggotai Jawatankuasa Kecil.
- 8.2.5 Mereka yang telah luput kelayakan menjadi ahli biasa boleh memohon untuk dipertimbangkan menjadi ahli bersekutu MPPT6.

**Fasal 9 : PUNCA KEWANGAN**

- 9.1 Yuran ahli biasa dan ahli bersekutu
- 9.2 Sumbangan dan derma ikhlas dari pelbagai sumber
- 9.3 Aktiviti-aktiviti pengumpulan dana di semua peringkat yang dipersetujui oleh Jawatankuasa MPPT6 Johor.

**Fasal 10 : STRUKTUR MPPT6**

- 10.1 MPPT6 adalah terdiri dari :
  - 10.1.1 Jawatankuasa MPPT6 Negeri
  - 10.1.2 Jawatankuasa MPPT6 Daerah

**Fasal 11 : JAWATANKUASA KERJA MPPT6**

- 11.1 Penaung dan Penasihat MPPT6 Negeri
  - Penaung : Pengarah Pelajaran Negeri
  - Penasihat : Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri
- 11.2 MPPT6 Daerah
  - Penasihat : Pegawai Pelajaran Daerah
- 11.3 Jawatankuasa Negeri terdiri daripada :
  - Seorang Yang DiPertua
  - Seorang Naib Yang DiPertua
  - Seorang Setiausaha Kehormat;
  - Seorang Penolong Setiausaha Kehormat;
  - Seorang Bendahari Kehormat; dan
  - 10 (Sepuluh) Ahli Jawatankuasa Biasa yang terdiri daripada Pengerusi-pengerusi Daerah.
  - 2 (Dua) orang Juru Audit Dalam
- 11.4 Jawatan Setiausaha Kehormat dan Penolong Setiausaha Kehormat akan dilantik oleh Yang Dipertua dengan persetujuan Jawatankuasa.

- 11.5 Semua ahli yang berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa dan tiap-tiap Ahli Jawatankuasa lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- 11.6 Nama untuk pencalonan jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadang, disokong dan dipilih dalam kalangan ahli-ahli yang hadir dengan cara undian oleh ahli-ahli semasa Mesyuarat Agung. Semua penjawat jawatan-jawatan di atas akan memegang jawatan tersebut selama dua tahun dan mereka boleh dilantik semula di akhir tahun kedua, jika dipilih semula.
- 11.7 Tugas Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja Majlis, mengikut Perlembagaan MPPT6 atau atas arahan Pengarah Pelajaran Negeri. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.
- 11.8 Jawatankuasa MPPT6 Daerah akan dipilih semasa Mesyuarat Agung MPPT6 Daerah sepertimana pemilihan yang dijalankan di peringkat Negeri.

**Fasal 12 : TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA KERJA MPPT6**

- 12.1 Yang DiPertua
  - 12.1.1 Mempengerusikan Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Jawatankuasa Kerja .
  - 12.1.2 Menggunakan kuasa undi pemutus
  - 12.1.3 Menandatangani peringatan mesyuarat setelah disahkan.
  - 12.1.4 Menandatangani semua cek bersama-sama dengan Bendahari Kehormat dan/atau Setiausaha Kehormat
  - 12.1.5 Melantik tiga (3) atau lebih Jawatankuasa Tambahan mengikut keperluan.
- 12.2 Naib Yang DiPertua
  - 12.2.1 Membantu tugas-tugas Yang DiPertua
  - 12.2.2 Memangku jawatan Yang DiPertua semasa ketiadaannya.
- 12.3 Setiausaha Kehormat
  - 12.3.1 Bertanggungjawab kepada Yang DiPertua mengenai semua urusan pentadbiran MPPT6 dengan menyimpan rekod-rekod aktiviti, minit mesyuarat, surat menyurat, pekeliling dan daftar ahli MPPT6 .
  - 12.3.2 Menyedia dan membentangkan laporan tahunan kepada Mesyuarat Agung MPPT6 untuk diterima.

- 12.4 Penolong Setiausaha Kehormat
  - 12.4.1 Membantu kerja-kerja Setiausaha Kehormat
  - 12.4.2 Memangku jawatan Setiausaha Kehormat semasa ketiadaannya.
- 12.5 Bendahari Kehormat
  - 12.5.1 Mengutip dan menerima semua yuran daripada ahli dan mengeluarkan resit.
  - 12.5.2 Mengumpul dan merekodkan semua jenis bayaran dan sumbangan serta derma ikhlas yang diterima.
  - 12.5.3 Menyimpan semua rekod penerimaan dan pembayaran wang MPPT6 .
  - 12.5.4 Menyimpan segala wang yang diterima ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja .
  - 12.5.5 Menyediakan Laporan Kewangan untuk dibentang dan diterima dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung MPPT6.
- 12.6 Ahli Jawatankuasa Biasa
  - 12.6.1 Membantu menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan aktiviti-aktiviti MPPT6 .

**Fasal 13 : KEWANGAN MPPT6**

- 13.1 Semua wang yang dikutip akan menjadi aset MPPT6 Johor
- 13.2 Semua wang hendaklah disimpan di atas nama MPPT6 Johor di dalam Bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja dan kira-kira wang itu dikelolakan bersama-sama oleh Yang DiPertua, jika ketiadaannya oleh Naib Yang DiPertua, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat .
- 13.3 Bendahari Kehormat dibenarkan menyimpan wang tunai dalam tangan tidak lebih dari RM300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja) pada sesuatu masa.
- 13.4 Perbelanjaan yang tidak melebihi RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh ribu sahaja) boleh diluluskan oleh Yang DiPertua bersama-sama Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat. Perbelanjaan yang melebihi RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh ribu sahaja) perlu mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Kerja MPPT6 Johor dan pengeluaran cek hendaklah ditandatangani oleh tiga (3) orang AJK, iaitu Yang DiPertua, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat. Sekiranya nilai sesuatu cek itu kurang dari RM10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh ribu sahaja), mana-mana

dua (2) orang AJK berikut; Yang DiPertua, Bendahari Kehormat atau Setiausaha Kehormat boleh mendatanganinya.

**Fasal 14 : JURUAUDIT DALAM**

- 14.1 Dua orang Juruaudit Dalam dipilih semasa Mesyuarat Agung MPPT6 Johor dan Mesyuarat Agung MPPT6 Daerah.
- 14.2 Juruaudit dikehendaki memeriksa kira-kira tahunan MPPT6 dan membuat laporan atau pengesahan untuk dibentang semasa Mesyuarat Agung. Juruaudit juga dikehendaki mengaudit kira-kira kewangan MPPT6 pada bila-bila masa yang diminta oleh Yang Dipertua MPPT6.
- 14.3 Juruaudit Dalam dikehendaki membuat laporan audit.

**Fasal 15 : PENGAMANAH**

- 15.1 Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih dari 21 tahun hendaklah dilantik semasa Mesyuarat Agung MPPT6 Johor dan Mesyuarat Agung MPPT6 Daerah dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh MPPT6. Semua harta takalih yang dipunyai oleh MPPT6 akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust).
- 15.2 Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik dan menukarkan harta kepunyaan MPPT6 dengan tidak mendapatkan persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agung.
- 15.3 Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada dalam negeri atau kerana lain sebab yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugas atau tanggungjawabnya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, kekosongan itu dipenuhi oleh Pengamanah baru yang dilantik semasa Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dengan secepat mungkin.

**Fasal 16 : MESYUARAT AGUNG**

- 16.1 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan adalah seperti berikut :
  - 16.1.1 Membentang dan menerima Minit Mesyuarat Agung yang lalu
  - 16.1.2 Membentang dan menerima Laporan Tahunan Jawatankuasa Kerja bagi tahun sebelumnya.
  - 16.1.3 Membentang dan menerima Laporan Kewangan MPPT6 bagi tahun sebelumnya.

- 16.1.4 Memilih Jawatankuasa dan Juruaudit Dalam untuk tempoh dua tahun berikutnya, kecuali jawatan Setiausaha Kehormat dan Penolong Setiausaha Kehormat yang akan dilantik oleh Yang DiPertua.
- 16.1.5 Menyampaikan Ucapan Penangguhan
- 16.1.6 Membincangkan usul-usul lain yang diterima daripada ahli-ahli.
- 16.2 Setiausaha Kehormat hendaklah memberi notis 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan untuk pemberitahuan tarikh, masa dan tempat serta mengemukakan cadangan atau usul.
- 16.3 Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan, satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan dan laporan beserta dengan penyata kewangan bagi tahun sebelumnya yang telah diauditkan. Salinan surat-surat ini juga boleh diperolehi untuk makluman ahli-ahli .
- 16.4 Sekurang-kurangnya satu per dua (1/2) dari jumlah ahli berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir semasa Mesyuarat Agung Tahunan untuk mencukupkan korum dan mengesahkan perjalanan mesyuarat.
- 16.5 Jika korum tidak cukup selepas setengah jam dari masa yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 7 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja (tertakluk kepada Fasal 12.1). Jika sekiranya korum masih tidak cukup selepas setengah jam daripada masa yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli boleh menjalankan mesyuarat tetapi tidak mempunyai kuasa membuat sebarang keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 16.6 Suatu Mesyuarat Agung Khas hendaklah diadakan:
  - 16.6.1 Atas arahan Pengarah Pelajaran Johor; atau
  - 16.6.2 Apabila Jawatankuasa memikirkannya mustahak; atau
  - 16.6.3 Atas permintaan bertulis tidak kurang satu per tiga (1/3) dari ahli dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.
- 16.7 Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli hendaklah diadakan dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat tersebut.
- 16.8 Fasal 16.4 dan 16.5 di dalam Perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari masa yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli tersebut, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam tempoh enam (6)

bulan daripada tarikh ini Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

**Fasal 17 : PEMBUBARAN**

17.1 Pembubaran MPPT6 Johor adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa dan peruntukan Jabatan Pelajaran Johor dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

17.2 Pembubaran MPPT6 Daerah juga adalah tertakluk kepada kuasa-kuasa dan peruntukan Jabatan Pelajaran Johor dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Fasal 18 : PINDAAN PERLEMBAGAAN**

18.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung atau Mesyuarat Agung Tergempar MPPT6 Johor.

**Fasal 19 : TAFSIRAN PERLEMBAGAAN**

Jawatankuasa MPPT6 Johor boleh memberikan tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan apabila mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan ini.

TAMAT